

Pelbagai portfolio

■ PNB terus perkukuh pengurusan risiko berdepan persekitaran mencabar

Mahanum Abdul Aziz

mahanum_aziz@nstp.com.my

Kuala Lumpur

Permodalan Nasional Bhd (PNB) akan terus mempelbagai lagi portfolio dan memantapkan pengurusan risiko dalam berdepan persekitaran yang semakin mencabar dan sukar diramal pada masa depan.

Sejak ditubuhkan pada 1978, syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia itu kini mempunyai aset di bawah pengurusan lebih RM290 bilion merangkumi pelaburan 13.6 juta pemegang unitnya dan pelaburan strategiknya dalam syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pe-

laburan persendirian dan hartanah.

Pengerusi Kumpulan PNB, Tan Sri Dr Zeti Aziz berkata, syarikat pengurusan dana terbesar tempatan itu mampu berdepan persekitaran mencabar dengan membangunkan penampakan menerusi kepelbagaian portfolio dan menguruskan risiko dengan sebaiknya.

Beliau berkata, menguruskan risiko sangat penting kerana dengan pengurusan yang baik membolehkan PNB kekal mampan dan mampu mengharungi waktu sukar dengan jayanya.

"Adalah sangat baik mempunyai asas yang kukuh untuk bermula dan terus melangkah. Bagaimanapun, persekitaran pada masa depan adalah berbeza dan

IN TRUST
A HISTORY
PNB



DARI KIRI, Ahmad Sarji, Nicholas, Zeti dan Abdul Rahman pada majlis pelancaran buku biografi korporat lengkap pertama PNB, semalam.

lebih mencabar, tidak stabil, lebih kompleks dan saling berhubungan serta sukar diramal.

"Justeru, adalah penting untuk membina ketahanan dan penampakan bagi menge-

kang cabaran mendatang," katanya pada sidang media selepas pelancaran buku biografi korporat lengkap pertama PNB bertajuk *In Trust: A History of PNB* di sini, semalam.

Pelancaran buku biografi itu sempena sambutan Ulang Tahun ke-40 PNB itu disempurnakan Zeti bersama Tun Ahmad Sarji Abdul Hamid yang pernah menjadi Pengerusi PNB dari 1996

hingga 2016.

Hadir sama, Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, Datuk Abdul Rahman Ahmad dan penulis buku biografi berkenaan, Nicholas J White.

BISNES

TEL 1-300-22-6787 **SAMB** 4979

TWITTER **bisnesHM**